



MODERN  
**DAIE**

# PROFIL

## PERTUBUHAN

# DAIE MODEN MALAYSIA

EST 2016



## LATAR BELAKANG

**Pertubuhan Daie Moden Malaysia (Modern Daie)** telah ditubuhkan hasil daripada penggabungan idea sekumpulan individu yang mempunyai pendedahan dan komitmen tinggi terhadap pelaksanaan aktiviti kebajikan dan Pembangunan Masyarakat pelbagai lapisan tanpa mengira kaum dan agama. Sejak awal penubuhan, mereka telah melaksanakan pelbagai program muhibah antara kaum serta mengendalikan isu-isu sosial seperti cabaran pemikiran, sokongan kepada komuniti rentan, dan pembangunan remaja yang berhadapan dengan cabaran moral.

**Modern Daie** seterusnya berkembang dengan pelaksanaan program pembangunan jati diri, sahsiah dan kesejahteraan sosial, khususnya melibatkan pelajar universiti, remaja sekolah menengah, penghuni pusat juvana serta masyarakat umum di kawasan tumpuan awam. Di samping itu, **Modern Daie** turut giat dalam aktiviti kebajikan termasuk penyaluran bantuan kepada golongan kurang berkemampuan dan mereka yang memerlukan.

**Bermula awal 2022, Modern Daie** telah melaksanakan penstrukturan semula kepimpinan yang kini diterajui oleh barisan aktivis pendidikan. Selaras dengan perubahan ini, fokus utama pertubuhan diperluaskan kepada pemerksaan pendidikan pelajar dan kanak-kanak daripada latar belakang berpendapatan rendah, khususnya anak-anak di PPR Pinggiran Bukit Jalil melalui pelaksanaan **Program Akademik dan Insaniah (PADI)**. Program ini menyediakan pelbagai kelas tuisyen (akademik dan bukan akademik), bimbingan literasi asas (membaca, menulis dan mengira), bimbingan pemerksaan jati diri, latihan kemahiran asas, agama dan lain-lain secara percuma.

Walau bagaimanapun, di sebalik penekanan terhadap pemerksaan akademik dan pembangunan sahsiah, nilai-nilai murni dan pembangunan komuniti kekal menjadi teras pertubuhan ini dalam usaha mendepani cabaran sosial secara berterusan.



## **MAKLUMAT PERTUBUHAN**

<b>Nama Pertubuhan</b>	:	<b>PERTUBUHAN DAIE MODEN MALAYSIA</b>
<b>Singkatan</b>	:	<b>Modern Daie</b>
<b>No. Pendaftaran</b>	:	<b>PPM-009-14-15072016</b>
<b>Tarikh Penubuhan</b>	:	<b>15 Julai 2016</b>
<b>Alamat Berdaftar</b>	:	<b>No. 28, Jalan Alam Sutera 1, Alam Sutera Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur</b>
<b>Alamat Pejabat Pengurusan</b>	:	<b>Tingkat 5, Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil Fasa 2 Jalan Impian Indah, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur</b>
<b>Wakil Untuk Dihubungi</b>	:	<b>JULAIHA BEVI BINTI S O K ABDUL GAFFOOR No. Telefon : 017-226 7367 Email : julaihabevi@yahoo.com</b>  <b>MAS-YURI BIN MAHYIDDIN No. Telefon : 013-6159030 Email: masyuri1375@gmail.com</b>
<b>Bank Berdaftar</b>	:	<b>No. Akaun: 14210010011159 PERTUBUHAN DAIE MODEN MALAYSIA Bank Islam Berhad</b>
<b>Emel Rasmi</b>	:	<b>padidaie.official@gmail.com</b>
<b>Laman Rasmi</b>	:	<b>www.programpadi.com</b>
<b>Media sosial</b>	:	 <b>www.facebook.com/padi.pprbukitjalil</b>  <b>www.instagram.com/padi.pprbukitjalil</b>





## **VISI PERTUBUHAN**

Menjadi peneraju transformasi sosial masyarakat menerusi pemerkasaan pendidikan yang komprehensif dan pengukuhan jati diri yang unggul.



## **MISI PERTUBUHAN**

### **Membangun Modal Insan**

Menyediakan platform pendidikan akademik dan sahsiah yang berkualiti bagi melahirkan generasi asnaf yang berdaya saing.

### **Memutuskan Kitaran Kemiskinan**

Memberikan akses pembelajaran percuma serta bantuan kebajikan kepada komuniti miskin bandar demi kelestarian sosioekonomi.

### **Merapatkan Jurang Pendidikan**

Berperanan sebagai jambatan antara penyumbang dan golongan rentan melalui pengurusan program yang telus dan berimpak tinggi.

### **Memupuk Keharmonian Sosial**

Mempersiapkan daie yang berintegriti tinggi dalam mendepani kerencaman Masyarakat melalui pendekatan dakwah berhikmah.

## **OBJEKTIF PERTUBUHAN**



- DAIE** Meningkatkan tahap literasi dan prestasi akademik pelajar asnaf serta miskin rentan di PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
- DAIE** Membina jati diri dan menggilap akhlak pelajar melalui modul bimbingan kerohanian dan motivasi yang berterusan.
- DAIE** Menyediakan sokongan kebajikan secara proaktif kepada pelajar dan keluarga pelajar bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- DAIE** Menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam agenda pembangunan komuniti.
- DAIE** Melahirkan kumpulan daie yang holistik dan inklusif dalam menyantuni kepelbagaian budaya dan agama demi memelihara keharmonian masyarakat.

## STRUKTUR ORGANISASI

### - Pengerusi -

**Julaiha Bevi binti S O K Abdul Gaffoor**

☎ : 017-2267367

✉ : [julaihabevi@yahoo.com](mailto:julaihabevi@yahoo.com)

Pengasas visi dan peneraju utama inisiatif PADI  
Aktivis kemanusiaan, pencetus transformasi komuniti rentan dan pemeraksa pendidikan

### - Timbalan Pengerusi -

**Dr. Abd Razak Muhamad**

☎ : 012-666 3314

MBBS (Malaya), M.S Ortho (UKM),  
Fellowship Paediatric Orthopaedics (USA)  
Gleneagles Hospital Kuala Lumpur

### - Setiausaha -

**Mas-Yuri bin Mahyiddin**

☎ : 013-6159030

✉ : [masyuri1375@gmail.com](mailto:masyuri1375@gmail.com)

Pemegang Tauliah Mengajar, Kuala Lumpur (WP)  
Pemegang Tauliah Mengajar, Negeri Sembilan  
Panel Kaunseling Akidah, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

### - Bendahari -

**Zulhilmi bin Dzulkafle**

☎ : 011-2840 0028

✉ : [g-95556927@moe-dl.edu.my](mailto:g-95556927@moe-dl.edu.my)

Pendidik Profesional  
Diiktiraf atas kecemerlangan kualiti penyampaian perkhidmatan  
awam

### - Penolong Setiausaha -

**Ros An'Nurleeana Chong**

☎ : 018-3150629

✉ : [rosannurleeana@gmail.com](mailto:rosannurleeana@gmail.com)

Pemegang Tauliah Mengajar, Kuala Lumpur (WP)  
Guru pembimbing mualaf, PERKIM

### - Ahli Jawatankuasa -

**Muhammad Abdullah bin Abd Wahab Ishari**

☎ : 018-3777833

✉ : [abdullah@altruis.my](mailto:abdullah@altruis.my)

Lulusan Pengajian Islam, Jordan  
Aktivis kemanusiaan antarabangsa

### - Ahli Jawatankuasa -

**Zulkafli bin Yahya**

☎ : 012-2616236

✉ : [smaria7@gmail.com](mailto:smaria7@gmail.com)

Penggerak komuniti setempat  
Peneraju pengurusan kebajikan  
kariah, PPR Pinggiran Bukit Jalil

### -Bahagian Undang-undang -

**Hazrina Azrin Binti Zahri**

☎ : 012-2335379

✉ : [zhazrinco@gmail.com](mailto:zhazrinco@gmail.com)

Pengamal undang-undang  
Aktivis advokasi hak sosial dan kemanusiaan  
Masyarakat

## PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA









### Program Akademik Dan Insaniah

#### 3. KELAS BESTARI

Inisiatif pembangunan bakat dan pengayaan ilmu yang menumpukan kepada aspek motivasi, bimbingan sahsiah, penerapan kemahiran, serta pendedahan pengetahuan am bagi melahirkan modal insan yang berfikiran kritis dan kompeten

#### 4. AKTIVITI TAMBAHAN

-  Lawatan sambil belajar ke Petrosains, Aquaria, Skybridge KLCC, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam
-  Program Motivasi I-Think
-  Kem Anak Bertuah
-  Program berkhatan sempena cuti sekolah
-  Pertandingan Spelling Bee
-  Aktiviti STEM bersama MR DIY

#### 1. KELAS TUISYEN

Program bimbingan akademik subjek teras dan kritikal bagi pelajar sekolah rendah dan menengah.

#### 2. KELAS 3M

##### (MEMBACA, MENULIS, MENGIRA)

Program intervensi literasi dan numerasi bagi golongan keciciran pendidikan serta untuk kanak-kanak yang memerlukan bimbingan asas.

#### 5. YOUNG ENGINEER & BENGKEL KEMAHIRAN ASAS TEKNOLOGI

Pendedahan asas kejuruteraan dan teknologi termasuk asas komputer melalui aktiviti praktikal dan pembelajaran yang menyeronokkan.

## PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



### 4. Lawatan ke Rehlah Nabawiyyah

Program pendedahan sejarah sirah melalui sesi lawatan sambil belajar.



### 1. Kelas Al-Qur'an & Iqra'

Program bimbingan asas bacaan al-Qur'an dan pemantapan tajwid.



## Akademi

### Latihan Ibadah Fardhu (ALIF)



### 5. Program Latihan Dakwah

Inisiatif membina kemahiran penyampaian dakwah dan kepimpinan daie.



### 2. Pengajian Fardu Ain & Agama

Platform pengukuhan akidah, ibadah, dan akhlak bagi membina jati diri Muslim.



### 3. Latihan Amali Solat

Modul latihan praktikal bagi memantapkan kualiti dan kesempurnaan ibadah.



## **PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA**

### **Inisiatif Sekuriti Makanan**

Penyaluran bantuan bakul makanan, agihan beras fidyah, dan bubur lambuk.

### **Program Bantuan Pendidikan & Persekolahan**

Sokongan persediaan kelengkapan sekolah bagi meringankan beban keluarga.

### **Kebajikan & Pemerksaan Ekonomi**

Penyelarasan bantuan zakat dan sokongan kewangan bagi keluarga yang layak.

### **Khidmat Kesihatan & Bantuan Optometrik**

Pemeriksaan mata, sumbangan cermin mata, serta khidmat bimbingan kesihatan.

### **Khidmat Advokasi & Bantuan Guaman**

Khidmat nasihat dan bantuan perundangan bagi melindungi hak sosial

## **UNIT MISI MASYARAKAT HARMONI (UMMAH)**

## **PENCAPAIAN DAN IMPAK**

### **KECEMERLANGAN AKADEMIK**

**Pencapaian Tertinggi:** Kira-kira 30% pelajar sekolah rendah menerima anugerah di sekolah masing-masing pada tahun 2024, dan menunjukkan peningkatan berterusan pada tahun 2025.

**Keberkesanan Program:** Berlaku peningkatan signifikan dalam subjek teras, dengan pengurangan ketara dalam kadar gagal dan pencapaian tidak memuaskan. Terdapat juga pelajar yang berjaya memperoleh skor lulus sempurna dalam peperiksaan utama.

**Penglibatan Aktif:** Kadar kehadiran kelas yang konsisten tinggi mencerminkan tahap penglibatan dan motivasi pelajar yang sangat baik. Turut direkodkan peningkatan kadar kehadiran ke sekolah dalam kalangan pelajar, selaras dengan peningkatan minat terhadap pembelajaran.



### **PEMBANGUNAN MODAL INSAN (KELAS BESTARI)**

**KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS:** Ramai pelajar menguasai pengetahuan am yang luas, termasuk konsep kejuruteraan, fenomena global, serta isu perubahan iklim.

**KEMATANGAN SAHSIAH:** Terdapat pertumbuhan nyata dalam aspek empati, kawalan emosi, dan kematangan dalam pemilihan kata pelajar ketika mengendalikan situasi mencabar.

**ASPIRASI MASA DEPAN:** Pendedahan kepada pelbagai perspektif kerjaya unik serta berpendapatan tinggi, telah berjaya meluaskan pandangan dunia pelajar.

**PENGLIBATAN AKTIF:** Kadar kehadiran kelas yang konsisten tinggi menggambarkan tahap penglibatan dan motivasi yang sangat baik dalam kalangan pelajar.

## PENCAPAIAN DAN IMPAK



### KEJAYAAN DALAM PERTANDINGAN

**Kemenangan Podium:** Dua orang pelajar sekolah menengah dan tiga lagi sekolah rendah berjaya meraih kedudukan podium dalam Pertandingan Spelling Bee.

**Kejayaan Transformasi:** Tiga daripada pemenang podium ini merupakan pelajar asal dari kelas asas 3M, yang membuktikan keberkesanan program intervensi 3M.

### IMPAK KEBAJIKAN & KOMUNITI (UMMAH)

**Sekuriti Makanan:** Program Bakul Makanan berjaya memanfaatkan kepada lebih 1,000 keluarga asnaf, selain agihan beras fidyah kepada 200 keluarga.

**Bantuan Kesihatan:** Penyaluran bantuan cermin mata percuma serta pemeriksaan mata telah memberi manfaat kepada 35 orang pelajar.

**Sokongan Berterusan:** Inisiatif bantuan kelengkapan sekolah, bantuan zakat, dan program berkhatan perdana telah meringankan beban ekonomi komuniti.



# GALERI KAMI



# GALERI KAMI



# GALERI KAMI





*Pertubuhan Daie Moden Malaysia melangkah dengan tekad dan harapan — menyemai ilmu, membentuk sahsiah, dan menyantuni jiwa-jiwa yang memerlukan.*

*Di setiap kelas yang dihadiri, ada masa depan yang sedang dilakar.  
Di setiap bantuan yang dihulurkan, ada harapan yang kembali bernyawa.  
Dan di setiap program yang dijalankan, ada kehidupan yang sedang berubah.*

*Kami percaya—perubahan tidak menunggu, ia diperjuangkan.  
ia lahir daripada langkah kecil yang digerakkan dengan kesungguhan dan keikhlasan.*

*Dengan semangat yang tidak akan padam,  
kami akan terus mara—memperkasakan pendidikan, memacu transformasi sosial,  
dan menjadi cahaya buat mereka yang memerlukan..*




*Tkhlas,  
Team Modern Daie*

**TERIMA KASIH**



 [padidaie.official@gmail.com](mailto:padidaie.official@gmail.com)

 [www.programpadi.com](http://www.programpadi.com)

 [facebook.com/padi.pprbukitjalil](https://facebook.com/padi.pprbukitjalil)

 [instagram.com/padi.pprbukitjalil](https://instagram.com/padi.pprbukitjalil)

*Menyemai Ilmu, Menuai Masa Depan*